



▶ 4 TAHUN

longkang tidak
dibersihkan

▶ 0.3 METER

paras air
memasuki rumah

▶ 200
PENDUDUK

sengsara



Sulaiman (empat dari kiri) **mendengar aduan penduduk** Taman Suria Indah mengenai banjir kilat kerana sistem perparitan yang tidak diselenggarakan dengan baik. (FOTO SUZAINI SULAIMAN/ BH)

'Kami muak'

» Penduduk
bosan banjir
kilat setiap kali
hujan lebat

Oleh Suzaini Sulaiman
bhnews@bharian.com.my

► Tanjung Karang

Setiap kali hujan lebat, masalah banjir kilat akan berlaku.

Inilah keadaan di hadapi lebih 200 penduduk di Taman Suria Indah, Tanjung Karang, di sini. Ada kalanya air naik mencecah paras lutut (0.3 meter) setiap kali hujan turun beberapa jam di kawasan mereka.

Tiada penyelenggaraan

Muak dengan keadaan itu, hampir 60 penduduk taman berkumpul dan meluahkan perasaan mereka terutama membabitkan masalah banjir, penyelenggaraan sampah, padang permainan dan lampu jalan.

Penduduk, Fan Kee Fong, 61, menjelaskan longkang di hadapan taman perumahan sudah hampir empat tahun tidak diselenggarakan menyebabkan sampah-sarap memenuhinya dan air mudah naik hingga membanjiri rumah.

"Saya sudah menetap, hampir 10 tahun dan kejadian air naik sudah memasuki tahun keempat. Keadaan semakin teruk berikutan musim hujan.

"Saya dapati air tersumbat di parit dan longkang. Ia bukan saja mengundang masalah banjir,

malah turut mengundang risiko penyakit seperti denggi serta risiko kanak-kanak lemas jika terjatuh di situ," katanya.

Perlu kerjasama penduduk

Pemangku Pengerusi Taman Perumahan, Mohd Musaddin Shahmin, 51, berkata setiap penduduk taman perlu bekerjasama dan sepakat untuk menyelesaikan masalah taman serta melaporkan kepada pihak berwajib.

"Kita perlu bermuafakat tidak mengira bangsa dan agama demi kebaikan penduduk bagi menyelesaikan masalah bersama.

"Kita harap masalah penduduk diselesaikan sebaiknya dengan membuat laporan kepada pihak terbabit seperti Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan dan saliran (JPS)," katanya.



MDKS perlu selesai masalah

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) perlu menyelesaikan segera kemelut banjir kilat dihadapi penduduk Taman Suria Indah kerana penduduk sudah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan membayar cukai pintu.

Ahli Dewan Undangan (ADUN) Permatang, Sulaiman Abdul Razak, berkata MDKS seharusnya menyediakan kemudahan dan prasarana sewajarnya, kerana ia adalah tanggungjawab mereka terutama selepas rakyat menunaikan kewajipan mereka kepada MDKS.

Sudah bayar cukai pintu

"Rakyat pasti akan berasa tidak senang kerana mereka sudah membayar cukai pintu tetapi tetap berdepan masalah seperti penyelenggaraan parit dan longkang serta masalah kutipan sampah.

"Masalah diutarakan penduduk memerlukan kerjasama beberapa jabatan seperti MDKS, JPS dan JKR perlu meneliti masalah ini," katanya.

Sebagai ADUN, katanya, beliau akan menyelaras keluhan rakyat dan agensi pelaksana yang berkaitan bagi memastikan kehidupan rakyat menjadi lebih sempurna.



MDKS seharusnya menyediakan kemudahan dan prasarana sewajarnya kerana ia adalah tanggungjawab mereka terutama selepas rakyat menunaikan kewajipan mereka kepada MDKS"

Sulaiman Abdul Razak,
ADUN Permatang